

Puluhan kenderaan terperangkap

Seksyen 13 Shah Alam tenggelam, banjir kilat naik setinggi paras lutut

■ NOR AZIHAN MD GHAZALI

SHAH ALAM - Puluhan kereta terkandas di parkir perhentian bas sementara Seksyen 13 berhadapan Apartmen Perdana di sini, semalam berikutan banjir kilat setinggi paras lutut.

Dalam kejadian sekitar jam 2 petang itu, beberapa kereta mewah turut terkandas di laluan utama menghala stadium selepas air mulai melimpah kawasan berkenaan.

Penduduk Apartmen Perdana, Musliman Muin, 49, berkata, kejadian berkenaan merupakan kali pertama berlaku di sini untuk tahun ini.

"Hujan lebat mula dalam jam 12 tengah hari. Dua jam lepas tu air melimpah dari saliran berdekatan.

"Masa tu banyak kereta yang diletak di kawasan dekat perhentian bas sementara tak boleh dialih sebab kebanyakan pemilik tiada di situ," katanya kepada *Sinar Harian* di lokasi kejadian, lewat petang semalam.

Menurutnya, kejadian itu disyaki berpunca daripada sistem saliran yang bermasalah.

Beberapa pelajar yang menaiki bas dari Johor Bahru dan tiba di perhentian bas sekitar jam 3 petang turut terkandas.

Pelajar Universiti Selangor (Unisel), Siti Khatijah Azmi, 21, berkata, sebaik bas tiba di situ, dia dan rakan-rakan mengambil keputusan untuk menunggu air surut kerana risau dengan keselamatan.



MUSLIMAN



NURFARHANA



SITI KHATIJAH



Syuhada Zamre, 19, berkata, ini kali pertama dia terpaksa meredah banjir untuk pulang ke kediamannya kira-kira satu kilometer dari perhentian bas sementara.

"Asalnya kami nak ambil teksi, tapi lepas tunggu lama tak ada satu pun teksi yang datang.

"Akhirnya saya ambil keputusan berjalan kaki dengan meredah banjir," katanya.

Sementara itu, Penolong Pengarah Bomba dan Penyelamat Selangor, Mohd Sani Harul berkata, sehingga jam 5.45 petang, sejumlah 13 lokasi di Selangor dinaiki air.

"Bagaimanapun tidak berlaku pemindahan terhadap mangsa banjir.



Siti Khatijah dan Nurfarhana Syuhada terpaksa meredah banjir untuk pulang ke kediaman mereka.

"Pihak bomba sedang memantau lokasi yang terlibat dengan banjir dan kita bersedia menghadapi sebarang kemungkinan," katanya.

INFO

Lokasi terlibat banjir kilat:

- Jalan Mawar, Jalan Cempedak, Jalan Telaga, Kampung Bukit Kerayong, Kapar, Klang.
- Jalan Datuk Abdul Hamid 14, dan Jalan Kebun Nenas, Taman Sentosa, Klang.
- Jalan Kerongsang 10 dan 11, Bandar Puteri, Klang.
- Sepanjang Jalan Raja Nong, Jalan Kebun Nenas, Pulau Indah, Klang.
- Jalan Airport Subang, Ara Damansara.
- Lebuhraya NPE menghala ke Bangsar hadapan Palm Spring Condo Petaling Jaya.
- Jalan ke Bukit Kutu - berlaku tanah runtuh akibat hujan lebat.
- Hadapan Carrefour Subang Jaya.
- Hadapan Citta Mall, Petaling Jaya.
- Seksyen 20, Shah Alam
- Kampung Teras Jernang
- Taman Mesra (Jalan Mesra 1, Jalan Mesra 5 & Jalan Mesra 6)
- Jalan MRR2 berdekatan Shell Melati.



Puluhan kenderaan terkandas di kawasan letak kereta berdekatan stesen bas sementara Seksyen 13.



Kereta Toyota Alphard turut terkandas di laluan menghala ke Stadium Shah Alam.